

Kata Bantu dan Kata Penguat



Nota SMART

Kata Bantu

1. Kata bantu berfungsi untuk menerangkan perbuatan atau kata kerja.
2. Terdapat dua jenis kata bantu, iaitu:
 - (a) **Kata bantu aspek**
 - Menerangkan sesuatu perbuatan dari segi masa sama ada belum dilakukan, sedang dilakukan, atau sudah dilakukan.
 - Contohnya: *sudah, telah, pernah, masih, sedang, akan, belum, belum pernah, masih belum*
 - (b) **Kata bantu ragam**
 - Menerangkan sesuatu perbuatan dari segi perasaan.
 - Contohnya: *mahu, ingin, hendak, mesti, harus, dapat, boleh*

Kata Penguat

1. Kata penguat digunakan untuk menguatkan maksud kata adjektif.
2. Terdapat tiga jenis kata penguat, iaitu:
 - (a) **Kata penguat hadapan**
Contohnya: *agak, paling, terlalu, begitu*
 - (b) **Kata penguat belakang**
Contohnya: *benar, betul, nian, sekali*
 - (c) **Kata penguat bebas**
Contohnya: *amat, sangat, sungguh*

Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 hingga 5

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Sekiranya Saliha tidak mendapatkan rawatan di luar negara, penyakitnya mungkin _____ menjadi semakin serius.
A akan C dapat
B telah D belum
2. Tiupan angin di atas Bukit Fraser pada waktu petang _____ nyaman.
A benar C sangat
B betul D terpalang
3. Sesiapa yang _____ mengikuti lawatan sambil belajar ke Pulau Pinang haruslah mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa.
A boleh
B patut
C pernah
D hendak

4. Encik Kamal _____ bercuti di Pulau Perhentian bersama-sama keluarganya sejak dua hari yang lalu.

A telah sudah C masih sedang
B harus sudah D sedang hendak

5. Bunyi tiupan serunai oleh pemuzik itu amat merdu _____.

A nian C paling
B sekali D sungguh

Soalan 6 – 8

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

6. Saya tidak dapat melupakan keindahan A pemandangan di puncak Gunung Kinabalu yang indah nian itu. Tiada kesalahan.
B C D

